

# Mahathir bidas rakyat yang malas

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas rakyat yang malas dan terlalu bergantung pada Kerajaan.

Sikap tidak tekun bekerja atau terlalu meminta-minta dan bergantung kepada Kerajaan, kata Perdana Menteri mesti dikikis.

"Bukanlah saya bermaksud Kerajaan tidak mahu memberi. Tetapi, biarlah permintaan itu pada kadar yang berpatutan," katanya dalam ucapan merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia.

"Jika rakyat mahu meminta berlebihan, rakyat jugalah yang akan menanggung beban, beban dari cukai yang bertambah, kenalkan harga barang-barang. Dan ini akan merebak ke masalah-masalah lain," ujar beliau.

Bagaimanapun, Kerajaan sentiasa bersikap sensitif terhadap keperluan rakyat, tambahnya. Ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kemaajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menggesa rakyat mengelakkan daripada diseret oleh petualang-petualang yang mengikut unsur-unsur budaya barat yang boleh merosakkan.

Di zaman penjajahan, menurut Datuk Seri Dr. Mahathir sumber-sumber alam dan hasil kekayaan negara telah dieksplotasi penjajah untuk kepentingan negara mereka.

"Kita masih ingat bagaimana masyarakat pribumi telah ketinggalan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi

moden akibat haloba penjajah untuk mendapat keuntungan besar tanpa mengambil kira kepentingan tanah jajahan dan anak pribumi," jelas beliau.

Dengan sewenang-wenangnya demi untuk mempergiatkan ekonomi yang mendatangkan faedah kepada mereka, katanya, mereka telah membuka pintu masuk ke negara ini kepada kaum-kaum pendatang.

Bagaimanapun, kemerdekaan telah membebaskan rakyat dan negara dari belenggu penjajahan dan bebas untuk menjaga hal-ehwal negara dan untung nasib rakyat.

"Merdeka harus diisi dengan semangat untuk membawa kemuliaan, keamanan dan kemakmuran yang berterusan kepada negara.

"Inilah tanggungjawab yang menjadi beban kita dan cabaran yang kita hadapi," tegasnya.

Perdana Menteri juga menegur rakyat yang bersikap memilih kerja menyebabkan negara terpaksa menggunakan tenaga buruh asing.

Walaupun negara kekurangan tenaga dalam beberapa sektor, seperti perladangan, terangnya, kadar pengangguran di negara ini adalah masih tinggi.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan, sikap kurang tekun bekerja boleh menjelma dalam berbagai bentuk tuntutan, desakan, ugutan dan tindakan yang menjadi unsur kebudayaan sistem perindustrian barat. "Kalau boleh, mereka mahu goyang kaki, mahu rehat dan mahu semua ditanggung," tambah beliau.